



SIARAN AKHBAR

S.A. 2020/09/63 (HQ)

TNB KUASAKAN MALAYSIA AIRLINES DENGAN TENAGA HIJAU

- Pemasangan panel solar terbesar oleh anak syarikat TNB GSPARX
- Malaysia Airlines mampu jimat RM15 juta bil elektrik

Tenaga Nasional Berhad (TNB) menerusi syarikat retail tenaga boleh diperbaharunya, GSPARX Sdn Bhd (“GSPARX”) memeterai perjanjian dengan Malaysia Airlines Berhad (MAB) untuk pemasangan panel solar pada empat bangunan MAB di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Di bawah Perjanjian Bekalan Tenaga Solar (SSA), MAB dijangka dapat menjimatkan kira-kira RM15 juta bil elektrik sepanjang 21 tahun kontrak melalui kepakaran GSPARX dalam pemasangan dan operasi panel solar bumbung.

Perjanjian itu ditandatangani Ketua Pegawai Kewangan Malaysia Airlines, Boo Hui Yee dan Ketua Pegawai Retail TNB, Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan di Kompleks Kejuruteraan Malaysia Airlines, KLIA South Support Zone, semalam.

Majlis disaksikan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Malaysia Aviation Group (MAG) merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Airlines Berhad, Kapten Izham Ismail dan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan.

Panel solar fotovoltaik (PV) yang bakal dipasang mempunyai kapasiti 2.210 megawatt peak (MWp) yang mampu menjana hampir 2.86 gigawatt jam (GWh) tenaga hijau setahun. Projek ini adalah pemasangan terbesar pada satu lokasi buat GSPARX.

Projek ini akan memanfaatkan MAB dalam usaha jangka panjang mereka untuk mengurangkan pelepasan CO₂. Sebaik siap pada April 2021, tenaga hijau yang dijana daripada projek ini dijangka dapat mengimbangi pelepasan karbon dioksida sebanyak kira-kira 2,022 tan metrik untuk tahun pertama, atau kira-kira 56,638 tan metrik pelepasan sehingga 2050. Ini bersamaan dengan mengurangkan 12,197 kereta di jalan raya atau menanam sebanyak 933,520 pokok, kata Amir Hamzah.

Beliau berkata, ketika banyak negara berdepan masa sukar akibat wabak COVID-19, syarikat korporat seperti Malaysia Airlines dan TNB mengambil pendirian kukuh terhadap usaha menangani perubahan iklim, terutamanya dalam pengurangan pelepasan karbon.

“TNB mengambil pendirian teguh dengan aspirasi yang diperbaharui untuk menjadi penyedia penyelesaian tenaga lestari di peringkat Malaysia dan antarabangsa. Sehingga kini, kami akan memacu perubahan ketara dalam portfolio penjanaan tenaga ke arah lebih banyak tenaga

boleh diperbaharui dan ia jelas dizahirkan dengan bermulanya pengoperasian loji jana kuasa arang batu TNB yang terakhir di atas tapak baharu, Jimah East Power Plant di Negeri Sembilan.”

Amir Hamzah berkata TNB sedang giat memperkukuhkan portfolio RE di dalam dan luar negara dengan sasaran untuk mencapai 1,700 MW menjelang 2025 dan menyokong sasaran negara untuk mencapai penjanaaan 20% RE menjelang 2025.

Selain aset penjanaaan berskala besar, TNB juga aktif menyokong pertumbuhan RE di peringkat penjanaaan teragih melalui kerjasama seperti yang dilakukan dengan MAB bagi membolehkan pengguna menjadi pengeluar swaguna (*prosumer*).

Amir Hamzah menegaskan kerjasama dalam bidang RE dilaksanakan TNB turut menjadi teras kepada pertumbuhan aktiviti ekonomi yang menjurus kepada pembentukan hab penghasilan solar di Malaysia.

“Ini adalah selaras dengan enam fokus tumpuan TNB yang dilakukan untuk membantu pemulihan ekonomi negara selepas kesan PKP dan wabak COVID-19. Selain pembinaan hab solar global, fokus lain termasuk pelaburan untuk menaik taraf grid, kecekapan tenaga, menguasai mobiliti, memperkasakan kesalinghubungan dan latihan semula.”

Kapten Izham berkata, “Ini adalah satu lagi langkah penting dalam perjalanan kami untuk menjadi syarikat penerbangan yang hijau dan mampan. Kelestarian merangkumi keseluruhan rantaian bekalan perniagaan dan kami percaya apa jua yang bermanfaat kepada alam sekitar akan memberi kesan positif terhadap kewangan syarikat.

“Malaysia Airlines dan anak-anak syarikat lain yang bernaung di bawah MAG telah memperkenalkan lebih 40 inisiatif untuk mengurangkan jejak karbon sepanjang tiga tahun lalu – daripada penggunaan teknologi kapal terbang terkini (dengan kapal terbang A350-900), menaik taraf proses operasi, penggunaan bahan api yang mampan dan berusaha mencapai sasaran yang menjadi sebahagian daripada program Carbon Offsetting and Reduction Scheme for International Aviation (CORSIA).

“Peristiwa penting ini membuktikan MAG mengambil langkah ke hadapan dalam usaha jangka panjangnya untuk berperanan lebih besar dalam usaha kelestarian alam sekitar untuk Malaysia dan industri penerbangan, seperti yang dizahirkan menerusi kerjasama dengan GSPARX hari ini,” jelas Izham.

Inisiatif RE TNB

TNB sentiasa berusaha untuk mencapai sasaran kapasiti terpasang 1,700MW tenaga boleh diperbaharui (RE) pada 2025 di dalam dan luar negara. Ia akan menyumbang kepada aspirasi Kerajaan bagi mencapai 20 peratus penjanaaan elektrik negara daripada tenaga boleh diperbaharui (RE) pada 2025. Portfolio keseluruhan domestik dan antarabangsa TNB kini berada kira-kira 750MW daripada tenaga solar dan angin.

Mengenai GSPARX

GSPARX ialah anak syarikat milikan penuh TNB yang terbentuk pada Januari 2018. Ia giat menjalankan kerjasama strategik bersama pelbagai syarikat dan organisasi bagi menawarkan kepakarannya dalam pemasangan panel solar bumbung, satu pasaran di dalam ruang tenaga boleh diperbaharui di Malaysia yang kurang diterokai.

Melalui Zero Capex Solution GSPARX, pelanggan komersial dan industri kini boleh menjana tenaga solar bersih pada bumbung bagi mengurangkan bil elektrik. Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://www.tnb.com.my/solar/> atau <https://www.gsparx.com/>.

Mengenai Malaysia Airlines

Malaysia Airlines adalah syarikat penerbangan nasional Malaysia yang menawarkan penerbangan terbaik dari dan serata Malaysia. Malaysia Airlines menerbangkan sehingga 40,000 penumpang setiap hari dalam perjalanannya yang tidak dapat dilupakan, diilhamkan dari pelbagai kekayaan Malaysia. Malaysia Airlines mempamerkan kepelbagaian Malaysia termasuk tradisi, budaya dan makanannya menerusi Hospitaliti Malaysia yang tiada tolok bandingnya, merentas segenap titik pertemuan pelanggan.

Sejak September 2015, syarikat penerbangan ini dimiliki dan dikendalikan oleh Malaysia Airlines Berhad. Ia adalah sebahagian daripada Malaysia Aviation Group (MAG), sebuah organisasi penerbangan global yang mempunyai portfolio perniagaan penerbangan berbeza, bertujuan untuk memenuhi keperluan perjalanan udara Malaysia. Menerusi kerjasama dengan oneworld®, Malaysia Airlines menawarkan kesalinghubungan yang unggul dengan penerbangan lebih lancar ke 1,000 destinasi merentas 150 negara dan akses ke lebih 650 ruang istirehat di lapangan terbang serata dunia. Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://www.malaysiaairlines.com>.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 25 September 2020, jam 10:30 pagi

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid di talian 013-3626923 /
Grace Tan di talian 016-6626229 / Nasir Aziz di talian 018-9434524
atau emel ke media@tnb.com.my*

Untuk Malaysia Airlines Berhad

Khairunnisak Dzun Nurin

Mobile: +6019 272 4926

Emel: khairunnisak.dzunnurin@malaysiaairlines.com

Noraishah Mohammad Shamsudin

Mobile: +6012 268 1419

Emel: noraishah.mohammadshamsudin@malaysiaairlines.com



Ketua Pegawai Retail TNB, Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan (tiga, kanan) dan Ketua Pegawai Kewangan MAB, Boo Hui Yee (tiga, kiri) bertukar dokumen Perjanjian Bekalan Tenaga Solar (SSA) antara GSPARX Sdn Bhd dan Malaysia Airlines Berhad (MAB) bagi pemasangan panel solar bumbung di empat bangunan MAB di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Turut hadir Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan (dua, kanan) dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Malaysia Aviation Group merangkap Ketua Pegawai Eksekutif MAB, Kapten Izham Ismail (dua, kiri).